

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP YANG DI-
PERTUA PERSATUAN BAGI ORANG-ORANG BUTA
MALAYA, DI MAJLIS BANKUET PERSATUAN, DI NIR-
WANA BALL ROOM, HOTEL HILTON KUALA LUMPUR
PADA 21HB MEI, 1980

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja
Permaisuri Agong¹.

Ampun Tuanku,

Patek serta lain-lain ahli Majlis Persatuan bagi Orang-Orang
Buta Malaya merapat sembah menjunjung kasih Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Tuanku serta Duli Yang Maha Mulia Baginda
Raja Permaisuri Agong kerana sudi mencemar duli di majlis
bankuet yang tidak sepertinya ini. Keberangkatan Tuanku ber-
sama-sama dengan Baginda Raja Permaisuri Agong, sesungguhnya
telah menyerikan lagi majlis patek sekalian. Ia adalah satu
penghormatan yang besar serta memberi perangsang yang kuat
kepada patek sekalian untuk berusaha dengan lebih giat dan
bersungguh-sungguh lagi membela kepentingan dan kebajikan
golongan rakyat yang kurang bernasib baik.

Ampun Tuanku,

Patek mohon izin berucap kepada hadirin sekalian.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir², Yang Berusaha
Datin Seri Dr Siti Hasmah, Pengerusi Jawatankuasa Bankuet, Tun
Omar Ong Yoke Lin dan Toh Puan Aisah³, Yang Berhormat
Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Tuan-Tuan
Yang Terutama Duta-Duta, Para Dermawan, Tuan-tuan dan Puan-
puan sekalian.

¹ DYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum
Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, DYMM Tengku
Afzan binti Muhammad.

² Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

³ Yang di-Pertua Dewan Negara (1974-1981) dan isteri.

Saya merasa sukacita mendapat peluang melafazkan sepatah-dua kata bagi pihak Persatuan bagi Orang-orang Buta Malaya pada malam ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penderma-penderma yang telah memberi sokongan bagi menjayakan bankuet chariti tahun ini. Saya harap sokongan dan bantuan seperti ini dapat diberikan dari masa ke semasa supaya ia menjadi sumbangan berkesan kepada orang-orang buta.

Saya ingin juga mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia, Datin Seri Dr. Siti Hasmah serta jawatankuasa bankuet kerana usaha-usaha mereka menganjurkan majlis ini. Inilah tahun yang ketiga Yang Berbahagia Datin Seri telah melibatkan diri menganjurkan majlis bankuet. Kegigihan dan kesungguhannya serta mereka yang telah membantunya, telah dapat mengumpulkan hasil yang besar bagi faedah dan kebajikan orang-orang buta.

Sumbangan kewangan daripada kutipan derma ini akan dapat membantu Persatuan bagi Orang-orang Buta Malaya membina bangunan barunya sendiri, serta membiayai projek-projek pembangunannya. Persatuan memerlukan satu bangunan untuk bergerak dan menempatkan segala perkhidmatannya. Dengan adanya tempat yang sesuai, Persatuan ini akan dapat menjalankan kegiatannya dengan lebih pesat lagi dan akan dapat meningkat serta meluaskan lagi programnya untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada orang-orang buta terutamanya mereka yang terjejas penglihatan. Oleh itu, kita boleh berbangga di atas kerjasama dan sokongan bagi menjayakan projek pembinaan bangunan Persatuan ini. Persatuan memerlukan satu jumlah kewangan yang besar untuk melaksanakan projek ini dan kita berharap tuan-tuan dan puan-puan serta sekalian anggota masyarakat akan menghulurkan derma mereka untuk tujuan yang baik ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Persatuan bagi Orang-orang Buta Malaya telah memainkan peranannya yang penting untuk memberi perkhidmatan kepada mereka yang terjejas penglihatannya. Sumbangan Persatuan kepada satu golongan masyarakat kita yang kurang bernasib baik seharusnya menjadi kebanggaan dan contoh yang baik. Di dalam kita

membangunkan negara, kita tidak harus lupakan golongan yang kurang bernasib baik yang memerlukan perlindungan dan peluang-peluang untuk menjadi masyarakat yang berguna.

Persatuan bagi Orang-orang Buta Malaya selain daripada menjalankan program pelajaran, pemulihan dan penempatan, juga menjalankan satu program yang besar untuk mencegah buta dan memulihkan penglihatan. Beribu-ribu orang telah diberi perkhidmatan pencegahan pada tiap-tiap tahun melalui klinik mata bergerak. Tahun ini dengan kerjasama Universiti Kebangsaan, Persatuan telah memulakan satu perkhidmatan klinik bagi merawat mereka yang mempunyai penglihatan yang terhad untuk membolehkan mereka menjalankan kerja dengan lebih sempurna. Bantuan alat-alat penglihatan telah diberikan kepada mereka ini.

Persatuan juga akan meningkatkan lagi usaha-usahanya untuk memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan pencegahan buta. Persatuan ini sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pusat mata di Petaling Jaya bagi memberi perkhidmatan pencegah dan pengubatan kepada masyarakat. Dalam hal ini juga Persatuan akan memerlukan bantuan. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan dan seterusnya masyarakat akan menghulurkan bantuan bagi tujuan ini.

Berkhidmat kepada orang-orang buta merupakan satu sumbangan kepada negara. Persatuan Orang-orang Buta Malaya akan terus bergiat untuk mengadakan dan melaksanakan program-program bagi orang-orang buta atau yang cacat penglihatannya untuk membolehkan mereka mendapat tempat yang saksama di dalam masyarakat. Sokongan dan bantuan yang diberikan kepada Persatuan oleh tuan-tuan dan puan-puan serta oleh berbagai pihak dari masa ke semasa akan membolehkan Persatuan ini memainkan peranan serta melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan dan meluas lagi.

Akirnya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong Persatuan di dalam apa jua kegiatannya.

Ampun Tuanku,

Bagi pihak Persatuan ini dan juga para hadirin sekalian, patek sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi terima kasih serta penghargaan kepada Kebawah Duli Tuanku dan Baginda Raja Permaisuri kerana sudi mencemar duli di majlis bankuet pada malam ini.